


Terapi kurangkan gejala Covid-19 pesakit rendah sistem imun



VAKSIN telah terbukti mampu mengurangkan risiko dan jangkitan pelbagai virus, terutama Covid-19. Namun, malangnya tidak semua orang boleh mengambil vaksin disebabkan sistem imun mereka terlalu rendah, tidak memberikan tindak balas mencukupi atau reaksi vaksin yang teruk. Ini menyebabkan mereka berisiko tinggi dijangkiti virus Covid-19 yang masih mengancam dunia sehingga golongan ini bimbang untuk keluar rumah menjalankan aktiviti normal di tempat sesak dengan orang ramai. Malah, sesetengah golongan pesakit kronik rendah sistem imun ini juga berisiko mengalami gejala lebih teruk sehingga boleh menyebabkan kemasukan ke hospital serta kematian akibat jangkitan virus Covid-19. Mereka juga sebenarnya



DR. PAUL GRIFFIN

berhak dilindungi menerusi kaedah lebih selamat melawan Covid-19.

Pengarah Penyakit Berjangkit, Perkhidmatan Kesihatan Mater, Brisbane, Prof. Madya. Dr. Paul Griffin berkata, golongan yang tidak dapat bertindak balas terhadap vaksin tidak boleh dipinggirkan kerana mereka juga berhak dilindungi daripada virus ini untuk meneruskan kehidupan seperti biasa.

“Sebagai pilihan, selain vaksin bagi melindungi golongan ini adalah menerusi pemberian suntikan Antibodi Monoklonal sebagai tambahan bagi menguatkan sistem imun mereka. Antibodi itu adalah protein buatan makmal yang meniru keupayaan sistem imun dalam badan untuk melawan patogen berbahaya seperti virus.

“Antibodi ini akan disuntik di bahagian otot

besar di bahagian punggung, seterusnya bertindak seperti antibodi kita sendiri yang boleh membantu menghentikan gejala teruk akibat jangkitan Covid-19.

“Ia turut berfungsi seperti sistem imun bagi melawan jangkitan virus Covid-19 dan mampu memberikan perlindungan sehingga enam bulan atau lebih lama,” katanya pada sesi meja bulat bersama media berkaitan terapi Antibodi Monoklonal, baru-baru ini.

Turut serta, Pakar Am Pediatrik dan Imunologi Klinikal dan juga Ketua Imunologi Klinikal, Jabatan Pediatrik Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Prof. Madya. Dr. Adli Ali.

Antibodi adalah sistem pertahanan penting untuk melindungi tubuh daripada jangkitan virus atau kuman.

Setiap antibodi mampu mengenal antigen tertentu. Apabila tubuh terdedah dengan antigen buat kali pertama, sistem imun mengambil masa untuk bertindak balas dan menghasilkan antibodi tertentu ke atas antigen terbabit.

Golongan dengan sistem imun rendah yang memerlukan terapi Antibodi Monoklonal adalah pesakit dewasa dan kanak-kanak yang menjalani terapi penindasan imun atau immunosupresif.

Mereka biasanya menjalani rawatan seperti kanser darah, penyakit auto imun seperti

rheumatoid arthritis, penyakit kulit, HIV dan individu yang menjalani pemindahan organ yang memerlukan terapi immunosupresif untuk mencegah penolakan organ yang diterima.

Dr. Paul yang juga Profesor Bersekutu, Sekolah Perubatan Universiti Queensland menambah, sebaik memasuki badan, antibodi ini bertindak dengan mencari dan melekat pada protein spike yang keluar daripada virus corona yang menyebabkan Covid-19.

Seterusnya, ia akan menyekat keupayaan virus untuk memasuki sel dalam badan dan mengurangkan gejala akibat jangkitan.

“Kami mahu orang ramai diberikan kesedaran mengenai manfaat antibodi ini yang membolehkan mereka menjalani hidup seperti orang lain selepas pandemik Covid-19 berakhir. Berdasarkan kajian dijalankan di seluruh negara, penggunaan antibodi ini lebih 76 peratus adalah selamat.

“Virus Covid-19 tidak akan berakhir, tetapi ramai yang silap apabila menyangkakan pandemik ini sudah berlalu. Hakikatnya, virus ini masih ada dan boleh berulang kali dijangkiti. Namun, kita boleh mengurangkan kesan jangkitan Covid-19 dengan melindungi diri menerusi vaksin dan meningkatkan imun sistem. Strategi tambahan ini adalah kunci untuk menentang jangkitan,” katanya.